

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/9/2011



KETUA Menteri Sabah yang pertama, Allahyarham Tun Mohd Fuad Stephens (kanan) ketika mengisytiharkan penyertaan Sabah di Padang Merdeka, Kota Kinabalu pada 16 September 1963.

16 September tarikh keramat Drs Hamid

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

ESOK, sambutan Hari Kemerdekaan Ke-54 akan diadakan serentak dengan Hari Malaysia ke-2 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Sambutan Hari Kemerdekaan yang sepatutnya diadakan pada 31 Ogos lalu ditangguhkan ke 16 September, sekali gus mencipta sejarah kerana buat julung kalinya sambutan berkenaan diadakan serentak.

Tanggal 16 September 1963 ialah hari keramat bagi negara kita kerana pada tarikh itu terbentuknya Persekutuan Malaysia yang meliputi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Alumni kali ini, Presiden Persatuan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah Bumiputera Sabah (P4SBS), Drs Hamid Abdul Rahmat, 54, yang lahir pada tahun kemerdekaan tanah air akan membicarakan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.

Beliau berkata, 16 September ialah hari keramat dan bersejarah kerana pada tangga itu Malaysia berjaya dibentuk yang sekali gus membantu mempercepat kemajuan ekonomi, sosial, budaya, dan pendidikan serta menyatupadukan semua kaum di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Katanya, penggabungan berkenaan memberi rahmat khususnya kepada Sabah dan Sarawak yang mengalami kemajuan membanggakan dan rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik berbanding ketika era penjajahan dan awal kemerdekaan.

"Terima kasih kepada pahlawan dan pemimpin kita terutama pengasas pembentukan Malaysia antaranya Bapa Kemerdekaan, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Bapa Kemerdekaan Sabah, Allahyarham Tun Datu Mustapha Datu Harun," katanya kepada Varsiti di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hamid berkata, sambutan Hari Malaysia Ke-2, dapat meningkatkan semangat patriotisme rakyat Malaysia, tidak kira di Semenanjung yang merdeka pada 31 Ogos atau di Sabah dan Sarawak yang membentuk Malaysia pada 16 September.

Beliau berkata, ini adalah satu mesej yang jelas bahawa setiap rakyat negara ini walau dari negeri mana asalnya, mempunyai perananyang sama iaitu memupuk dan mengeratkan perpaduan, dalam konteks hidup sebagai warga negara Malaysia.

Katanya, rakyat Semenanjung atau Sabah dan Sarawak bersama membentuk Malaysia yang bermakna kekuatan atau kelemahan negara kita terletak pada semua rakyat tanpa mengira dari negeri mana asalnya.

"Semua rakyat mesti bersikap toleransi dengan mengelak budaya berunsur penghinaan kerana amalan negatif itu boleh menggugat gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menepati matlamat asal sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia.

"Semua lapisan masyarakat perlu bersatu padu tanpa mengira kaum dan sama-sama mempertahankan negara daripada anasir jahat dari dalam dan luar negara yang cuba menggugat ketenteraman negara dan keharmonian rakyat," katanya.

Hamid berkata, rakyat perlu bersyukur kerana dianugerahkan pemimpin yang berwibawa dan prihatin sejak negara merdeka pada 1957, disusuli pembentukan Malaysia pada 1963 dan berkesinambungan sehingga kini.

Katanya, pemimpin negara sangat peka kepada pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan masyarakat pelbagai kaum yang perlu dipertahankan supaya rakyat terus menikmati kehidupan harmoni, selesa dan selamat sejajar matlamat kemerdekaan.

Beliau berkata, perjuangan dan kebijaksanaan pemimpin dulu dan kini membolehkan rakyat menikmati kemakmuran dan keamanan serta

kemajuan dalam pelbagai bidang berbanding negara lain yang sudah lama merdeka tetapi sehingga kini masih mundur serta tidak aman, stabil dan selamat.

"Rakyat negara terbabit juga hidup dibelenggu kemiskinan, kadar jenayah tinggi, banyak penyakit sosial dan kerajaan tidak mampu membina hospital sehingga penyakit mudah berjangkit," katanya.

Mengenai dakwaan pihak tertentu Malaysia menyambudua hari kebangsaan iaitu pada 31 Ogos

dan 16 September, Hamid berkata isu itu sepatutnya tidak perlu diperdebat dan diperbesar-besarkan kerana boleh menggugat integrasi nasional.

Katanya, hakikatnya negara kita hanya menyambut satu hari kemerdekaan iaitu tanggal 31 Ogos manakala tanggal 16 September ialah pengisian program kemerdekaan dengan perisytiharan sebagai Hari Malaysia.

"Tidak perlu ada dua hari kemerdekaan. Hari Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957, walaupun ketika itu Sabah dan Sarawak tidak terlibat dalam perisytiharan kemerdekaan, namun akhirnya bersama membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

"Ini bermakna tanggal 16 September 1963 adalah kesinambungan perisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Saya berpendapat, sekiranya pada 1957, Malaysia tidak merdeka maka belum tentu juga Sabah dan Sarawak akan bersama membentuk Malaysia pada 16 September 1963," katanya.

